

'Malaysia mengekalkan kestabilan, kerharmonian sepanjang 20 tahun'

Pencapaian terbaik PM

UM 17 JUL 2001

Oleh MARHAINI KAMARUDDIN
dan ASUKI ABAS

KUALA LUMPUR 16 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang hari ini genap 20 tahun menjadi Perdana Menteri menyifatkan pencapaian terbaiknya sepanjang tempoh itu ialah apabila Malaysia mampu mengekalkan kestabilan dan keharmonian sebagai negara berbilang kaum.

Beliau menegaskan bahawa apa yang dilakukan dalam tempoh 20 tahun itu adalah bagi kepentingan negara semata-mata.

"Saya rasa saya mungkin telah melakukan beberapa kesilapan, ya, tetapi saya tidak boleh menyesali keputusan yang telah saya buat walaupun ia mungkin amat tidak popular dan menyebabkan saya kehilangan sokongan.

Kestabilan

"Tetapi saya percaya, saya melakukan semua ini bagi kepentingan negara, bukan untuk diri saya, kerana saya akan pergi jua, saya tidak boleh kekal (memerintah) selamanya," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Forum Tenaga Elektrik Malaysia 2001 di sini hari ini.

Perdana Menteri menarik perhatian kepada negara berbilang kaum lain yang sukar mencapai kestabilan dan kebanyakannya pula tidak berupaya membangun disebabkan perbezaan keturunan, agama dan budaya.

"Jika anda melihat pada negara yang mempunyai masyarakat majmuk yang lain, anda akan sedar bahawa hanya segelintir mereka yang mampu mencapai kestabilan dan kebanyakan mereka tidak berupaya

■ Lihat muka 5

Pencapaian terbaik PM

untuk maju disebabkan perselisihan di kalangan pelbagai kaum.

"Tetapi di Malaysia kita tinggal bersama, bekerja dan bermain bersama. Mungkin ada perbezaan tetapi kita mampu menyelesaikannya melalui rundingan.

"Inilah sesuatu yang diasaskan oleh parti Perikatan dan kini cuba ditiru oleh pembangkang. Ia bagai satu jangkitan," katanya.

Justeru, Dr. Mahathir berharap Malaysia akan terus stabil dan mengalami pertumbuhan pesat serta pada masa yang sama terus bebas daripada dikuasai oleh mana-mana pihak.

Ditanya sehingga bila beliau akan terus memegang tampuk pemerintahan, Perdana Menteri berkata:

"Saya harap dapat bersara sebaik sahaja dibenarkan untuk bersara. Buat masa ini, saya tidak dibenarkan berkata apa-apa mengenainya kerana ia mungkin memberi kesan kepada pasaran saham.

"(Pasaran saham) mungkin naik jika saya bersara atau mungkin juga akan turun."

Dr. Mahathir yang juga ditanya perasaannya genap 20 tahun menyangand jawatan Perdana Menteri berkata, beliau hampir lupa (mengenai tempoh itu) jika tidak diperingatkan oleh orang lain mengenainya.

Dalam pada itu, Dr. Mahathir dikejutkan dengan majlis-majlis ringkas yang dianjurkan untuk merayakan ulang tahun ke-20 menjadi Perdana Menteri.

Di Bangunan Parlimen, selepas mempengerusikan mesyuarat pramajlis persidangan Parlimen penggal ketiga, beliau dihadiahkan pulut kuning oleh Ahli-ahli Dewan Rakyat Barisan Nasional dan Ahli-ahli Dewan Negara.

Di Putrajaya pula, kakitangan Pejabat Perdana Menteri turut menganjurkan majlis ringkas dan doa selamat untuk beliau.